

OKTOBER  
2024

*Aspirasi  
Kemajuan*

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pknpp.gov.my](http://www.pknpp.gov.my)



## ULANGTAHUN KELAHIRAN YAB. MENTERI BESAR PAHANG

Kuantan, 1 Oktober - Selamat Hari Ulang Tahun Kelahiran ke-66 kepada YAB. Menteri Besar Pahang, selaku Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail.

Semoga YAB. Dato' Sri sentiasa dalam rahmat Allah SWT, dipanjangkan umur, dikurniakan kesihatan yang terbaik serta bahagia di samping keluarga tercinta.

Ikhlas daripada  
Ahli Perbadanan, Pengurusan serta Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP.



## MESYUARAT AHLI PERBADANAN PKNP BIL 3/2024



YAB Menteri Besar Pahang merangkap Pengerusi PKNP  
mempengerusikan Mesyuarat Ahli Perbadanan

Kuantan, 29 Oktober - YAB. Menteri Besar Pahang Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, yang juga merangkap Pengerusi PKNP, telah merasmikan Bilik Mesyuarat Rafflesia di Tingkat 16, Bangunan PKNP.

Dalam majlis yang sama, YAB. Dato' Sri Diraja MB telah diraikan oleh PKNP bersempena ulang tahun kelahiran beliau pada 1 Oktober 2024 yang lepas. Beliau juga telah menyampaikan sijil kepada para pendaki Ekspedisi Pendakian Gunung Kinabalu PKNP yang telah berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu pada baru-baru ini.

Seterusnya, YAB. Dato' Sri Diraja MB turut mem-pengerusikan Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bilangan 3 Tahun 2024 di Bilik Mesyuarat Rafflesia.

Turut hadir pada majlis dan mesyuarat ini adalah YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Haji Zulkifli Bin Haji Yaacob, YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Dato' Sri Saiful Edris bin Zainuddin, YB. Pegawai Kewangan Negeri Pahang, Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar, Ahli-Ahli Perbadanan PKNP, Pengurusan PKNP serta Warga Kerja Kumpulan PKNP.



Sesi Perasmian Bilik Mesyuarat Rafflesia  
oleh YAB Menteri Besar Pahang



Para pendaki Ekspedisi Pendakian Gunung Kinabalu PKNP  
bergambar kenangan bersama YAB Menteri Besar Pahang

## AUDIT PEMANTAUAN SPK DAN ABMS



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP sedang menyampaikan ucapan penutupan

Kuantan, 3 Oktober - Tahniah kepada PKNP kerana telah berjaya mengekalkan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) MS ISO 37001:2016 tanpa syarat. Siri pengauditan tersebut telah dilaksanakan selama dua hari, diketuai oleh Encik Khalid bin Saleman serta diiringi oleh juruaudit bertugas, Encik Mohd Hisyam bin Mahadi, Encik Azran bin Mohammad Ridzuan dan Encik Sethuraman Ramasamy.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah mempengerusikan Mesyuarat Penutup yang membentangkan hasil pengauditan oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), YBhg Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, serta semua pengurusan PKNP.

YH Dato' juga mengucapkan syabas dan terima kasih kepada seluruh warga kerja PKNP yang telah memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan prestasi kerja cemerlang dengan penambahbaikan yang berterusan.



Sekitar sesi pengauditan yang berlangsung selama dua hari

## KEJOHANAN OLAHRAGA TAHUNAN KALI KE-36 SK NENASI, PEKAN

Sekitar aksi kejohanan yang dipamerkan oleh para pelajar SK Nenasi, Pekan

Kuantan, 9 Oktober - YH. Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah merasmikan Kejohanan Olahraga Tahunan Kali Ke-36 SK Nenasi, Pekan.

YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dalam ucapannya berkata penglibatan aktiviti sukan dan olahraga di sekolah adalah penting kerana fizikal yang sihat akan membantu kecerdasan fikiran pelajar. Beliau berpendapat pentingnya ada keseimbangan antara pembelajaran dan kegiatan sukan di sekolah.



Sekitar aksi kejohanan yang dipamerkan oleh para pelajar SK Nenasi, Pekan



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP menyampaikan ucapan perasmian

Selain itu, beliau juga tidak lupa untuk mengingatkan tanggungjawab dan peranan ibu bapa dalam membentuk dan mendidik anak-anak untuk mencapai kecemerlangan akademik. Ibu bapa perlu terlibat secara aktif dan membantu para pendidik untuk memastikan anak-anak mereka tidak ketinggalan dalam bidang akademik dan juga sahsiah.

Dalam majlis tersebut, PKNP juga telah menyerahkan sumbangan kepada pihak SK Nenasi sebagai tanda sokongan penganjuran program-program yang bermanfaat di sekolah tersebut.

## PKNP TAWAN PUNCAK GUNUNG KINABALU



Pengurusan Tertinggi PKNP hadir memberi sokongan kepada pasukan pendaki PKNP

Kuantan, 16 Oktober - Pasukan pendaki PKNP melakar sejarah selepas berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu, Sabah. Ini merupakan kumpulan kedua PKNP yang telah menjejaskan kaki ke puncak gunung yang merupakan gunung ketiga tertinggi di Asia Tenggara itu dengan ketinggian 4,095 m.

Sebelum memulakan pendakian pada 15 Oktober 2024, para pendaki PKNP telah diberikan taklimat pendakian oleh petugas setempat serta turut menerima amanat daripada Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar.

Pendakian bermula tepat jam 8.30 pagi dan para pendaki selamat tiba di puncak seawal jam 5.50 pagi keesokan harinya, 16 Oktober 2024. Kesemua pendaki turun dengan selamat pada jam 4.00 petang, 16 Oktober 2024 dan disambut oleh Pengurusan Tertinggi PKNP.

Kejayaan pendaki-pendaki PKNP dalam pendakian selama hampir 24 jam ini membuktikan bahawa mereka mempunyai semangat juang dan kecekalan yang tinggi.

Turut hadir menyambut baik kedatangan PKNP ke Sabah serta sebagai tanda sokongan kepada pendaki-pendaki PKNP adalah Pengurus Besar Kumpulan SEDCO, Tuan Haizar R.H bin Ajaz Nabijan serta barisan Pengurusan Tertinggi SEDCO.

Tahniah diucapkan kepada pendaki-pendaki PKNP!



Barisan pendaki PKNP bergambar di puncak Gunung Kinabalu sebagai tanda kenang-kenangan

## PROGRAM PENANAMAN BAKAU & PELEPASAN ANAK PENYU

Kuantan, 19 Oktober - Seramai 50 peserta terdiri daripada Ahli PUSPANITA PKNP dan ahli Kelab Keluarga Kumpulan PKNP telah berganding bahu dalam misi penanaman 1,010 anak pokok bakau di Pantai Chendor, Kuantan hari ini. Program ini merupakan anjuran bersama Biro Sosial PUSPANITA PKNP dan Biro Pendidikan, Kesihatan dan Sosial Kelab Keluarga Kumpulan PKNP dengan bimbingan dan kerjasama daripada Persatuan Pencinta Alam (MNS).



Seramai 50 peserta hadir bagi memeriahkan Program Penanaman Bakau & Pelepasan Anak Penyus

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan dan signifikan ekosistem hutan paya bakau dalam mengekalkan keseimbangan alam sekitar. Kesemua peserta dilihat sangat teruja dalam menjayakan misi ini dan telah berjaya menanam 1,010 anak pokok di pinggir Pantai Chendor dan menjadikan keseluruhan pokok bakau yang telah ditanam berjumlah lebih 19,000 batang oleh pelbagai agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang lain.

Program diteruskan dengan aktiviti pelepasan sebanyak 25 ekor anak penyu di persisiran Pantai Chendor. Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran ahli tentang kepentingan pemeliharaan spesies terancam dan keperluan melindungi alam sekitar seterusnya bagi memastikan generasi akan datang dapat mewarisi biodiversiti negara.



Barisan peserta sedang menyaksikan momen pelepasan anak penyu

## PKNP RAIH JOHAN BAGI ACARA KAROM 'FRIENDLY MATCH CUP PSDM 2024'

Kuantan, 2 Oktober - PKNP muncul sebagai juara dalam acara Karom Persahabatan yang berlangsung selama dua hari di Stadium Darul Makmur, Kuantan.

Perlawanan persahabatan yang turut melibatkan penyertaan dari Majlis Bandaraya Kuantan (MBK), Majlis Sukan Pahang (MSP) serta Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang (PKNP) bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan antara Jabatan di Negeri Pahang. Antara acara sukan yang dipertandingkan adalah Karom, Ping Pong dan Dart.

Pasukan PKNP mendahului 4 - 1 dalam perlawanan pertama dan memenangi tiga perlawanan berturut-turut.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada pasukan PKNP atas pencapaian cemerlang ini.



Barisan Pasukan Karom PKNP menerima hadiah daripada penganjur

## SUKAN INDOOR RACE PKNP 2024 ANJURAN KELAB KELUARGA KUMPULAN PKNP DAN PUSPANITA PKNP



Pengerusi PUSPANITA PKNP dan Naib Presiden 2 Kelab Keluarga Kumpulan PKNP hadir bagi sesi penyampaian hadiah

Kuantan, 26 Oktober - Biro Sukan Kelab Keluarga Kumpulan PKNP dan PUSPANITA PKNP buat julung kalinya telah menganjurkan Sukan Indoor Race PKNP bagi tahun 2024 bertempat di sekitar Bangunan Kompleks Teruntum.

Program ini dimeriahkan dengan penyertaan seramai 20 orang ahli Kelab Keluarga Kumpulan PKNP dan PUSPANITA PKNP bagi kategori berkumpulan terdiri daripada 2 lelaki dan 2 wanita.

Program ini juga turut dimuatkan dengan aktiviti-aktiviti menarik seperti Don't Drop It, Penalty Shootout, Zigzag Netball Shootout, Skipping Counter, Jigsaw Puzzle, dan Value Aiming.

Tahniah diucapkan kepada kumpulan Watashiwastar yang dianggotai oleh Mohammad Norhafizie bin Suhaimi,

Muhammad Talha bin Mapuk, Nurul Aqilah binti Abdul Rahim dari Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia serta Majdah binti Mohd Yusof dari Bahagian Khidmat Perundangan kerana telah muncul selaku Johan bagi Sukan Indoor Race PKNP pada tahun ini.

Selain daripada menerapkan semangat kesukanan dan kekeluargaan, program ini juga merupakan usaha ke arah meraikan Hari Sukan Negara 2024 dan mempromosikan budaya hidup sihat dalam kalangan ahli Kelab Keluarga Kumpulan PKNP dan PUSPANITA PKNP.

Sekalung penghargaan kepada Yang Berbahagia Datin Hajah Zuhaira Binti Zainordin, Pengerusi PUSPANITA PKNP dan Encik Mohd Lizam bin Jemal, Naib Presiden 2 Kelab Keluarga Kumpulan PKNP atas kesudian menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang!



Salah satu sukan yang dipertandingkan dalam Sukan Indoor Race PKNP 2024

### *Sidang Redaksi*

**PENAUNG / PENASIHAT**  
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar  
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

**PENYELARAS PENERBITAN**  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

**KETUA EDITOR**  
Encik Muhammad Farhan bin Mohd Kamarulzaman

**GRAFIK**  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasi

**JURUFOTO**  
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar